

www.townplanning.sabah.gov.my

BULETIN

Edisi 10/2018

MENARIK DI DALAM

LAWATAN **KERJA KE**
BRUNEI DARUSSALAM

LANDSCAPE STANDARD & GUIDELINES
TECHNICAL WORKSHOP 2018

PERLAKSANAAN MALAYSIAN STANDARD
DI KAWASAN BERISIKO GEMPA BUMI

KURSUS ASAS - PERANCANGAN POKOK DI PERINGKAT PEMBANGUNAN
DARI PERSPEKTIF ABRORIST BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

PENJENAMAAN SEMULA
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

1 MALAYSIA YOUTH CITY
PUSAT EKONOMI SOSIAL ANAK TUARAN



DARI MEJA PENGARANG

Buletin JPBW keluaran 2018 merupakan tahun ke-10 yang berjaya dihasilkan oleh JPBW. Seperti tahun-tahun sebelum ini, buletin JPBW telah berjaya mempamerkan kejayaan-kejayaan, aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dan diraikan oleh JPBW sepanjang tahun 2018.

Bengkel Penjenamaan semula Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah telah membuktikan bahawa JPBW adalah komited dalam meningkatkan perkhidmatan Jabatan sebagai agensi utama dalam merancang pembangunan di Negeri Sabah ke arah pembangunan mampan. Dalam meningkatkan ilmu dan pengetahuan JPBW dalam perancangan, lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam telah diadakan bertujuan mempelajari contoh-contoh perancangan yang baik terutamanya dalam merancang perumahan di atas air.

Perlaksanaan beberapa aktiviti utama seperti "Landscape Standard & Guidelines, Technical Workshop, Seminar "Malaysian Standard di Kawasan Berisiko Gempa Bumi", Kursus Asas – Perancangan Pokok di Peringkat Pembangunan dari Perspektif Abrorist bagi Pihak Berkuasa Tempatan" dan kejayaan pelaksanaan program "1Malaysia Youth City – Pusat Ekonomi Sosial Anak Tuaran (PESAT)" telah menunjukkan JPBW adalah komited dalam memastikan perancangan yang holistik dan komprehensif untuk perancangan gunatanah Negeri Sabah.

Selain itu, buletin edisi 10/2018 ini juga turut memberikan informasi dan aktiviti-aktiviti setiap bahagian di JPBW untuk dikongsi bersama terutamanya maklumat-maklumat terkini berkaitan dengan pelan pembangunan dan polisi perancangan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa. Diharapkan informasi-informasi yang ada di dalam bulletin edisi 10/2018 ini akan dapat membantu semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bidang perancangan guna tanah dan landskap di Negeri Sabah.

Akhir kata, JPBW juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada "ahli-ahli keluarga JPBW" yang telah bersara atas sumbangan, dedikasi dan tenaga mereka kepada Jabatan ini kerana tanpa mereka JPBW tidak akan dapat mencapai kejayaan seperti yang dicapai pada hari ini seperti kata Warren Buffett, 'Someone's sitting in the shade today because someone planted a tree a long time ago'.

Carolyn Tay,
KETUA EDITOR

PENASIHAT

TPr. Tuan Haji Mursidi Hj Sapie

PENGERUSI

Puan Bernadette C. Edmund

KETUA EDITOR

Cik Carolyn Tay

EDITOR & PEREKA GRAFIK

Encik Augus Tamaning

SETIAUSAHA

Puan Mariani Udai

PERANCANGAN FIZIKAL

Encik Sharum Radzlee Mohd Samlih

LEMBAGA PUSAT PERANCANGAN

BANDAR DAN DESA

Encik Nazri Hamburg

LANDSKAP

Puan Nurulhayati Awang More

KAWALAN PEMBANGUNAN

Cik Faridah Ansawi

KHIDMAT PENGURUSAN

Puan Jainisan Roman

MAJLIS BERSAMA JABATAN &

KREW

Encik Suhaili Laiman

BADAN KEBAJIKAN ISLAM

Encik Alif bin Abdul Fatah

Tel: 088 222336/7

Fax: 088 222557

Emel : JPBW@ sabah.gov.my

Kami menghargai sebarang komen, maklum balas dan cadangan daripada anda. Sila kemukakannya melalui e-mel di atas.



ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI 2018

1 PERUTUSAN MENTERI KKTP

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah.

2 PERUTUSAN SETIAUSAHA TETAP KKTP

Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah.

3 PERUTUSAN PENGARAH JPBWS

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Sabah.

4 LAWATAN KERJA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Memahami prosedur perancangan di Brunei Darussalam.

8 LANDSCAPE STANDARD & GUIDELINES TECHNICAL WORKSHOP 2018

Satu platform bagi hebahan dasar dan garis panduan

9 KURSUS ASAS - PERANCANGAN POKOK DI PERINGKAT PEMBANGUNAN DARI PERSPEKTIF ABRORIST BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI NEGERI SABAH

Merealisasikan persekitaran yang bertaraf dunia.

10 STATISTIK PELAN PEMBANGUNAN

Bilangan pelan pembangunan yang diterima sepanjang tahun 2018.

11 1MALAYSIA YOUTH CITY

Pusat Ekonomi Sosial Anak Tuaran.

12 PERLAKSANAAN GARIS PANDUAN MALAYSIAN STANDARD DI KAWASAN BERISIKO GEMPA BUMI SABAH (PANTAI BARAT)

Memberi kesedaran kepada stakeholder tentang penggunaan garis panduan.

13 PERLAKSANAAN GARIS PANDUAN MALAYSIAN STANDARD DI KAWASAN BERISIKO GEMPA BUMI SABAH (PANTAI TIMUR)

LATIHAN INDUSTRI 2018

14 GARISPANDUAN DAN TATACARA DARI LEMBAGA PUSAT PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Tempoh sah kelulusan pelan pembangunan dan pengecualian kawasan lapang 10%.

15 PENJENAMAAN SEMULA JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Memberi pengalaman bekerja dikalangan pelajar.

16 MAULIDUR RASUL

Program bagi melahirkan kecintaan terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

17 MAJLIS BERBUKA PUASA

Dihadiri khas oleh pelajar tahfiz daripada Madrasah Tahfiz Al-Quran, Pusat Tahfiz Masjid Bandaraya, Anak-anak yatim dari Rumah Kesayangan Sabah dan Kumpulan Marhaban Meruntum.

18 MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI

19 SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SABAH

20 SAMBUTAN HARI JADI RASMI YANG DIPERTUA NEGERI SABAH

21 MAJLIS MAKAN MALAM DAN APRISIASI JPBW

22 MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



Sidang Redaksi mengalu-alukan mana-mana pihak yang sudi menyumbangkan artikel mengenai pelbagai topik tentang bidang perancangan bandar dan desa. Anda boleh menghantarnya menerusi e-mel di atas untuk pertimbangan pada keluaran buletin akan datang. Kami mengucapkan terima kasih di atas sumbangan artikel berkenaan.

PERUTUSAN

YANG BERHORMAT MENTERI

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana atas berkat dan rahmat-Nya kerana kita sentiasa diberi peluang untuk terus memperbaiki prestasi diri dan jabatan. Sekalung ucapan tahniah kepada Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah kerana sekali lagi berjaya menerbitkan Buliten JPBW Edisi Ke-10.

Sebagai sebuah jabatan di bawah naungan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, saya amat berbangga kerana JPBW sentiasa peka dan proaktif merangka strategi demi memastikan jabatan sentiasa relevan, dengan memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Dalam kesempatan ini, saya dengan sukacitanya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada JPBW kerana telah berjaya menganjurkan Bengkel Penjenamaan Semula Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah, Seminar Gempa Bumi dan Bangkel Garis Panduan Landskap secara berturut-turut sempena Hari Perancang Bandar Sedunia pada tahun 2018.

JPBW dilihat begitu kompeten dalam usaha memperkukuh jabatan dan fungsinya dengan mengadakan bengkel dan seminar bersama agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan (NGO) dan orang awam. Ini membuktikan JPBW sangat peka dalam menggerakkan dan merealisasikan aspirasi kerajaan. Saya menyokong penuh setiap usaha jabatan ke arah memantapkan sistem penyampaian dan memperkasakan perancangan khususnya di kawasan luar bandar. Jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar hendaklah diseimbangkan agar penduduk luar bandar turut menikmati segala keperluan dan kemudahan seperti yang terdapat di bandar. Perancangan yang holistik hendaklah dilakukan agar kawasan luar bandar juga dapat menikmati pembangunan yang seimbang.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada kepada seluruh warga redaksi JPBW, Sabah kerana memberi ruang coretan kepada saya dalam menyampaikan prakata ini. Semoga Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah sentiasa maju ke hadapan dan terus berusaha dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

(YB DATUK DR. HJ. JAUJAN BIN HJ. SAMBAKONG)



PERUTUSAN

YANG BERBAHAGIA SETIAUSAHA TETAP

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah

Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah kerana telah berjaya menyiapkan Buletin JPBW Edisi Ke-10.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan rasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah kerana telah berjaya menganjurkan tiga program yang diadakan secara berturut-turut sempena Hari Perancang Bandar Sedunia 2018 antaranya ialah Bengkel Penjenamaan Semula Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah, Seminar Gempa Bumi dan Bengkel Garis Panduan Landskap.

Saya meletakkan harapan tinggi kepada jabatan untuk membuat satu reformasi dan memberi impak yang besar terhadap penyampaian perkhidmatan jabatan. Hal ini kerana, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah merupakan salah satu jabatan yang berperanan menentukan hala tuju pembangunan Negeri Sabah secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, pengukuhan semula fungsi dan struktur perjawatan jabatan adalah langkah yang tepat ke arah menyampaikan perkhidmatan yang efisien dan cekap. Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam merangka aktiviti dan program untuk memperkasakan sistem perancangan bandar khususnya di kawasan luar bandar di Sabah.

Tidak ketinggalan juga saya ingin menzairkan ucapan terima kasih kepada krew Buletin JPBW memberi kesempatan untuk menitipkan kata dalam ruang buletin ini. Semoga JPBW sentiasa komited melakukan proses transformasi dan menambah baik perkhidmatan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,



(DATUK HJH. MASNAH MATSALLEH)



UCAPAN ALUAN

Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Sabah

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buletin JPBW Edisi Ke-10 ini telah berjaya diterbitkan dengan jayanya.

Dalam kesempatan ini, saya ingin menzahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada semua warga Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah kerana telah menunjukkan semangat Team Work yang tinggi sepanjang tahun 2018 dalam melaksanakan setiap tugas dan program. Sekali lagi syabas dan tahniah saya ucapkan khususnya atas kejayaan jabatan dalam menganjurkan Bengkel Penjenamaan Semula Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah, Seminar Gempa Bumi dan Bangkel Garis Panduan Landskap secara berturut-turut sempena Hari Perancang Bandar Sedunia pada tahun 2018.

Jabatan selaku agen peneraju perancangan bandar di Negeri Sabah mengorak langkah memperkukuh fungsi jabatan melalui Bengkel Penjenamaan Semula JPBW. Melalui bengkel tersebut membincangkan penambahbaikan mengenai nama, misi, visi, objektif, fungsi dan struktur organisasi jabatan. Bengkel ini melibatkan 50 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai dan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah serta Pegawai Eksekutif dan beberapa wakil dari Pihak Berkuasa Tempatan. Ini merupakan titik permulaan bagi sebuah transformasi besar bagi jabatan ini mengorak langkah ke hadapan ke arah perancangan melangkaui kelaziman (planning beyond conventional).

Perancangan yang holistik dan komprehensif terutama dalam pengurusan sumber yang mampan serta strategi perancangan pembangunan yang berdaya maju merupakan benteng pertahanan yang perlu diperkukuh dalam merangka perancangan jangkamasa panjang. Oleh yang demikian pihak kerajaan sangat komited dalam melaksanakan dan mengatur strategi kearah penambahbaikan perkhidmatan dan struktur organisasi jabatan.

Bagi pihak Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah, saya ingin merakamkan setinggi-setinggi ucapan terima kasih kepada sidang pembaca diharapkan dengan penerbitan tahunan Buletin JPBW dapat menambah maklumat dan pengetahuan mengenai jabatan sekaligus menjadi wadah pengikat silaturahim jabatan dan masyarakat. Semoga pada tahun mendatang kita akan terus meraih keberkatan dan kejayaan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(TPr. HJ. MURSIDI HJ SAPIE)





LAWATAN KERJA KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Program lawatan kerja yang telah diberi kelulusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri akhirnya dapat dilaksanakan dengan jayanya pada 17 – 20 Disember 2018 ke Negara Brunei Darussalam yang melibatkan 26 ahli rombongan terdiri daripada Puan Maznah Matsalleh selaku ketua rombongan. Tujuan lawatan ini dilakukan adalah untuk:

- Mempelajari prosedur perancangan di Negara Brunei termasuk penggunaan akta PBD 1972 dan tatacara yang digunakan bagi menghasilkan perancangan sejagat termasuk di kawasan luar bandar;
- Mewujudkan platform bagi mengadakan kolaborasi aktiviti, program dan interaksi di peringkat antarabangsa dalam bidang perancangan bandar;
- Memberikan pendedahan kepada jururancang bandar bagi menghasilkan garis panduan penempatan atas air yang lebih bersepadu;
- Mengkaji isu-isu seperti pemilikan tanah, penempatan kemudahan awam serta lain-lain kemudahan sokongan yang perlu disediakan dalam perkampungan atas air;
- Meninjau sejauh mana keberkesanan dalam membantu masalah setinggan di Negara Brunei; dan
- Mengeratkan siratulrahim antara satu sama lain dan membolehkan kolaborasi yang boleh menyumbang dalam membangun perkampungan di atas air.









Landscape Standard & Guidelines Technical Workshop 2018



Bengkel ini telah dirasmikan oleh TPr. Tuan Haji Mursidi Haji Sapie Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah.

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah di Bahagian Landskap telah mengadakan bengkel "Landscape Standard & Guidelines Technical Workshop 2018" pada 10-11 Oktober 2018 bertempat di Grandis Hotel, Kota Kinabalu. Bengkel yang berlangsung selama dua hari yang telah dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, TPr. Tuan Haji Mursidi Haji Sapie. Seramai 70 orang peserta dari pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, Swasta dan Non-Governmental Organisation (NGO).

OBJEKTIF BENGKEL

- Menyediakan satu platform bagi hebahkan dasar, standard, polisi dan garis panduan terkini yang disediakan untuk digunapakai selaras dengan keperluan 'Town & Country Planning Ordinance Sabah (Sabah Cap. 141).
- Medium perbincangan secara dua hala berdasarkan maklumbalas dan pelbagai su yang diterima PBT serta alternatif bagi menanganinya.
- Medium perbincangan bagi menggariskan standard amalan kawalan pembangunan landskap di seluruh PBT yang seragam dan praktikal.
- Usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan teknikal landskap di peringkat PBT secara seragam, sistematik dan berkesan untuk dilaksanakan oleh PBT seluruh negeri.
- Meningkatkan keberkesanan kerjasama seranta dengan pelbagai pihak bagi mengembangkan lagi industri landskap di Sabah.



KURSUS ASAS

PERANCANGAN **POKOK** DI PERINGKAT PEMBANGUNAN DARI PERSPEKTIF ARBORIST BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI SABAH

Kursus Asas Perancangan Pokok Di Peringkat Pembangunan Dari Perspektif Arborist Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sabah anjuran Bahagian Landskap, JPBW telah diadakan selama 2 hari yang dirasmikan oleh Puan Bernadette C. Edmund, Timbalan Pengerah JPBW. Kursus ini bertujuan bagi memberi pendedahan tentang pokok dalam perancangan terkawal pada peringkat awal pembangunan yang mempengaruhi kos penyelenggaraan PBT di samping mengurangkan risiko pokok tumbang di samping menjamin keselamatan awam. Kursus ini juga telah dihadiri oleh PBT seluruh Negeri Sabah termasuklah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).



STATISTIK PELAN PEMBANGUNAN 2018

ZON PENTADBIRAN	PELBAGAI	PENUKARAN ZON
Zon Tengah (Kota Kinabalu, Penampang)	268	6
Zon Barat Daya (Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Pitas, Ranau dan Tuaran)	279	8
Zon Barat Laut (Putatan, Papar, Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang)	222	5
Zon Pendalaman (Tambunan, Keningau, Tenom, Nabawan)	82	1
Zon Tawau (Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak)	40	13
Zon Sandakan (Sandakan, Beluran, Kota Kinabatangan, Tongod)	344	7
Jumlah Pelan Pembangunan Diterima	1235	40
LEMBAGA PUSAT PERANCANG BANDAR DAN DESA		
Zon Tengah (Kota Kinabalu, Penampang)	69	4
Zon Barat Daya (Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Pitas, Ranau dan Tuaran)	44	6
Zon Barat Laut (Putatan, Papar, Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang)	49	11
Zon Pendalaman (Tambunan, Keningau, Tenom, Nabawan)	10	0
Zon Tawau (Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak)	28	7
Zon Sandakan (Sandakan, Beluran, Kota Kinabatangan, Tongod)	26	2
Jumlah Diproses	226	30

1MALAYSIA YOUTH CITY PUSAT EKONOMI SOSIAL ANAK TUARAN (PESAT)



Melalui inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Negeri Sabah (JPBW) dipertanggungjawabkan untuk menyelaras projek Bandar Belia 1 Malaysia (1MYC) di Tuaran.

PESAT yang dihasilkan dengan cara menaik-taraf rumah kerajaan di IPG Kent, Tuaran adalah merupakan projek perintis 1MYC Tuaran yang telah dimulakan pada September 2017. Ianya siap sepenuhnya pada Disember 2017 dan dilancarkan oleh Menteri Kerajaan Tempatan & Perumahan Negeri Sabah, YB. Datuk Seri Panglima Hj. Hajiji Bin Hj. Noor pada 26 Februari 2018 yang lalu. Turut hadir bersama dalam majlis pelancaran tersebut juga ialah YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, TPr. Tn. Hj. Mursidi Bin Hj. Sapie, Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Negeri Sabah, YBhg. En Sofian Alfian Nair, Pegawai Daerah Tuaran dan para belia di daerah Tuaran.

SEMINAR KESEDARAN

PERLAKSANAAN GARIS PANDUAN MALAYSIAN STANDARD DI KAWASAN BERISIKO GEMPA BUMI SABAH (PANTAI BARAT)



Program ini merupakan program kerjasama yang dibuat di antara Jabatan Standard Malaysia dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah yang bertujuan memberi kesedaran kepada stakeholder untuk mengguna pakai garispanduan yang telah disediakan oleh JSM telah berlangsung pada 12 Oktober 2018 bertempat di TH Hotel Kota Kinabalu dan dirasmikan oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Binti Majilis, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Turut hadir ke dalam seminar ini ialah Puan Hajah Masnah Mat Salleh, Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Fadilah Baharin, Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, dan Tuan Haji Mursidi Haji Sapie, Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah.

Penceramah

1. Ir. Kamaluddin Bin Abdul Rashid
Timbalan KPKR (Sektor Pakar)
Kertas 1: Malaysian National Annex Eurocode 8: Design of Structure for Earthquake Resistance – Part 1: General Rules, Seismic Actions and Rules for Buildings
2. Encik Bailon Golution
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Sabah
Kertas 2: Gempabumi – Punca dan Kesan di Malaysia Khususnya di Sabah
3. Puan Hajah Kamariah Binti Ibrahim
Timbalan Ketua Pengarah PLAN Malaysia
Kertas 3: Garis Panduan Perancangan Pembangunan dan Pengurusan di Kawasan Berisiko Bencana Gempa Bumi
4. Dr. Patrick Tiong
Associate Research Fellow Doshin Rubber Products (M) Sdn. Bhd.
Kertas 4: Mitigation of seismic response of structure through base isolation using high damping natural rubber bearing



SEMINAR KESEDARAN

PERLAKSANAAN GARIS PANDUAN MALAYSIAN STANDARD DI KAWASAN BERISIKO GEMPA BUMI SABAH (PANTAI TIMUR)

Seminar ini telah berlangsung pada 15 Oktober 2018 bertempat di Promenade Hotel Tawau dan dirasmikan oleh YBhg. Prof Madya Dr. Ramzah-Dambul Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Turut hadir dalam seminar ini ialah YBhg. Datuk Fadilah Baharin Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, dan Tuan Haji Mursidi Haji Sapie Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah.



LATIHAN INDUSTRI 2018

Pada tahun 2018, seramai 5 orang pelajar daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah menjalankan latihan industri di Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah.

Tujuan utama latihan industri ini adalah untuk memberi bimbingan dan pengalaman baharu kepada pelajar - pelajar yang bakal menempuhi segala cabaran di alam pekerjaan kelak. Selain daripada tugas rasmi, para pelajar juga turut terlibat dalam acara perbarisan Hari Kebangsaan 2018 peringkat negeri Sabah dan juga Sambutan Hari jadi Yang Di-Pertua Negeri Sabah 2018.



GARISPANDUAN TEMPOH SAH KELULUSAN (VALIDITY PERIOD) PELAN PEMBANGUNAN DI SABAH

1. Lembaga Pusat dalam mesyuaratnya No.2/1989 bertarikh 22 September 1989 telah memutuskan bahawa tempoh sah kelulusan pelan pembangunan adalah hanya dua (2) tahun.
2. Ianya dikira bermula (commence) apabila penyediaan tapak siap sepenuhnya (site preparation completed).
3. Tarikh berkuatkuasa adalah bermula dari 02 Oktober 1989.

PENAMBAHBAIKAN

1. Bagi pembangunan yang telah tamat (lapsed) tempoh sah kelulusan namun belum memulakan kerja-kerja pembinaan, perlulah mendapatkan semula ulasan teknikal daripada jabatan-jabatan teknikal yang berkenaan.
2. Pembangunan dianggap telah dimulakan (commenced) menerusi dua keadaan iaitu:-
 - Daratan - Kerja-kerja persiapan tapak termasuklah penambahkan kawasan tebus guna (tanah paya), kawasan tepu bina, pemotongan (tanah-tanah tinggi) dan penanaman cerucuk telah siap sepenuhnya; dan
 - Laut - Kerja-kerja penambakan dan penimbunan serta penanaman cerucuk telah siap sepenuhnya atau jika pembangunan tidak melibatkan penambahan atau penimbunan, maka penanaman cerucuk hendaklah siap sepenuhnya.

TATACARA PENGECUALIAN 10% KAWASAN LAPANG TERHADAP PEMBAHAGIAN TANAH DI KALANGAN AHLI KELUARGA

1. Lembaga Pusat dalam mesyuaratnya No.10/2017 bertarikh 14 September 2017 memutuskan tatacara pembahagian ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
 - Keluasan minima lot baru dalam pembahagian tanah di antara ahli-ahli keluarga ialah 0.1 ekar bagi semua zon gunatanah;
 - Bagi lot-lot baru yang kurang daripada 1 ekar, sekurang-kurangnya 60% hendaklah dikekalkan sebagai kawasan lapang (terbuka) dan bebas dari sebarang bentuk pembangunan;
 - Keperluan kawasan lapang berkenaan tidak perlu diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan;
 - Jalan masuk selebar 30 kaki hendaklah disediakan ke setiap lot baru; dan
 - Jalan yang menghubungkan lot pembahagian dari jalan sedia ada hendaklah ditunjukkan dalam pelan. Bagaimanapun, keperluan ini tidak diperlukan dalam kawasan yang belum mempunyai jaringan jalan raya.

PENJENAMAAN SEMULA JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH



Bengkel Penjenamaan Semula Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah sempena Hari Perancang Bandar Sedunia 2018 telah diadakan pada 09 Oktober 2018 bertempat di Dewan Tun Sakaran, TH Hotel, Kota Kinabalu.

Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YB Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Dr. Hj. Jaujan Hj. Sambakong. Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan YBhg. Datuk Ginun Yangus juga turut hadir ke bengkel tersebut bersama 200 orang peserta yang terdiri daripada Kementerian dan Jabatan kerajaan serta Pihak Berkuasa Tempatan.

Tujuan utama bengkel tersebut adalah untuk memantapkan lagi peranan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah dalam penyampaian perkhidmatannya ke arah pembangunan mampan di Negeri Sabah.



MAULIDUR RASUL 2018

Tanggal 12 Rabiulawal 1440 Hijrah (bersamaan 20 November 2018) lalu, Badan Kebajikan Islam (BKI) disertai oleh staf-staf Islam JPBW telah menyertai perarakan sempena Maulidur Rasul 1440H. Perarakan tersebut juga melibatkan pembentangan sepanduk yang telah direka khas oleh beberapa staf JPBW beberapa hari sebelum itu sebagai memenuhi syarat untuk menyertai pertandingan sepanduk terbaik.



MAJLIS BERBUKA

PUASA 21 RAMADHAN 1439

Bersempena dengan bulan Ramadhan, satu Majlis Berbuka Puasa telah diadakan pada 21 Ramadhan 1439 Hijrah (bersamaan 6 Jun 2018) bersama-sama staf Jabatan Perancang Bandar & Wilayah. Majlis Berbuka Puasa ini juga dihadiri khas oleh para pelajar tahfiz daripada Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Mubarak, Pusat Tahfiz Masjid Bandaraya, Anak-anak yatim dari Rumah Anak Kesayangan Sabah dan Kumpulan Marhaban Meruntum.

Majlis khas ini telah disempurnakan oleh TPr. Haji Mursidi Haji Sapie, Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Wilayah. Antara aktiviti yang dianjurkan adalah solat Maghrib berjemaah, diikuti dengan acara berbuka puasa beramai-ramai dan solat terawih.

Sebanyak RM2,000.00 telah disumbangkan kepada sekolah tahfiz dan rumah anak-anak yatim. Bagi memeriahkan lagi acara, ahli jawatankuasa BKI juga telah menganjurkan pertandingan teka kata kepada para anak yatim dan pelajar tahfiz yang hadir sementara menunggu untuk berbuka puasa. Di akhir majlis berkenaan, penyampaian cenderamata dan sesi bergambar beramai-ramai diadakan sebagai tanda kenangan.





Badan Kebajikan Islam (BKI) bersama-sama Kelab Sukan & Rekreasi (KREW) telah menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Khas JPBW pada 12 Julai 2018 lalu di Foyer Wisma Tun Fuad Stephens, Kota Kinabalu. Majlis Rumah Terbuka tersebut dihadiri oleh dif-dif kehormat khas iaitu YB Datuk Haji Jaujan Bin Haji Samabakong, Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Kerajaan Tempatan & Perumahan, YBhg. Datuk Ginun Yangus iaitu mantan Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan dan TPr. Haji Mursidi Haji Sapie, Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Wilayah.

Dalam Majlis tersebut juga, gerai-gerai jualan dipertandingkan di mana setiap gerai mewakili setiap bahagian dalam organisasi JPBW. Gerai terbaik telah dimenangi oleh Bahagian Landskap. Dalam majlis tersebut juga, penganjur juga sempat memberi kejutan kepada Pengarah JPBW dengan menghadiahkan kek bagi meraikan hari jadi beliau yang juga jatuh dalam bulan Julai.

MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI 1439H



SAYANGI MALAYSIAKU

HARI KEBANGSAAN
PERINGKAT NEGERI
SABAH 2018



SAMBUTAN

HARI JADI RASMI YANG

DI PERTUA NEGERI SABAH 2018



MAJLIS MAKAN MALAM DAN APRISIASI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Majlis Makan Malam Dan Aprisiasi JPBW telah diadakan pada 2 November 2018 bertempat di Hillton Hotel Kota Kinabalu. Ianya dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi JPBW yang bertujuan memberi penghargaan kepada semua anggota perbarisan kontingen JPBW yang menyertai istiadat perbarisan Hari Jadi TYT. Kontingen perbarisan JPBW juga telah menjadi Naib Johan semasa pertandingan tersebut diadakan. Sebanyak 80 buah kontingen lain turut mengambil bahagian dalam Majlis Istiadat tersebut daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta IPTA dan IPTS. Syabas dan tahniah diucapkan.



MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG 2018

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmat Cemerlang dirasmikan oleh YBhg. TPr. Tuan Hj. Mursidi bin Hj. Sapie, Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah pada 16 November 2018, bertempat di Dewan Persidangan Asal Baru, Tingkat 2, Wisma Tun Fuad Stephens, Kota Kinabalu.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG	ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG OLEH PENGARAH	
Hasnah Dousin Danny Gaery F Malinggi Rozidah Samudin Josephine Chin Aisah Umalbasah Therese Maria Frank Feruz Khan Majin Otia Untong Balamis Gauk Jason Ayog	Abd Wahid Abd Rashid Alif Abdul Fatah Athanasius Bin John Malis Adelynna Adeline Foo Binti Abdullah Ahmad Bin Abdul Abbas Bernadette C. Edmund Caroline Leigh Chin Carolyn Tay Elizabeth Jipinis Enon Teo@ Shirley Teo Farida Ansawi Jainisan Roman Hablee Mohd Suh Lee Wah Mariani Binti Udai	Maslimah Binti Mahli Mohd Fauzi Bin Abdul Malik Myron Masing Nazri Bin Hamburg Nurulhayati Binti Awang More Pasdiek Francies Rosnah Abdul Rahaman Sabarin Hj. Matsalleh Saulim Gutok Shahrum Radzlee Mohd Samlih Suhaili Laiman Tan Sue Ching Usly Harun Yeo Bon Ching Yeo Koi Lian@Nelly

ANUGERAH PERKHIDMATAN

CEMERLANG 2018



SELAMAT DATANG KE JPBW



Sitti Nur Aidah Binti
Abdul Razak,
Pembantu Tadbir Gred N19
Pada 06 Februari 2018



Nor Afifah Tamin,
Pegawai Khidmat
Pelanggan Gred N 19
Pada 09 Februari 2018



Jubaidah Siti Zubaidah Abdul Hamid
Pembantu Tadbir N19
Pada 01 Mac 2018



**PERTUKARAN DARI KEMENTERIAN
PERINDUSTRIAN**

Nor Diana Joe
Abdullah, Setiausaha Pejabat N30
Pada 04 September 2018



**BERPINDAH KE
KEMENTERIAN
PERINDUSTRIAN**

Saulim Gutok
pada 03 September 2018

JASAMU DIKENANG BERSARA WAJIB



Encik Amat Mohri ,
Pembantu Tadbir N22
bersara pada 18 Mac
2018



Encik Sulaiman Ganggut,
Pelukis Pelan J19
bersara pada 16 Jun 2018



Encik Harry Issu,
Penolong Pegawai
Perancang Bandar dan
Desa J29 bersara pada
18 Julai 2018.



Puan Elizabeth Jipinis,
Pembantu Tadbir
(Kewangan) W22 bersara
pada 20 November 2018



Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah
Tingkat 3, 4 & 5, Menara Tun Fuad
Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens,
Km 2.4, Jalan Tuaran,
88646 Kota Kinabalu.

Tel: 088-222336/7 Fax: 088222557